

Ruj. MQA : MQA.600-2/1/6 Jld. 127 (55)
Tarikh : **21 FEB 2020**

Naib Canselor
Universiti Multimedia, Kampus Melaka
Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Bukit Beruang
MELAKA

Tuan,

PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM 'DIPLOMA IN MECHANICAL ENGINEERING' (MQA/PA 13460)

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) yang bermesyuarat pada **30 Januari 2020** telah menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program tersebut di atas.

3. Selaras dengan Seksyen 39 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, MQA telah memutuskan untuk **memberi Perakuan Akreditasi Sementara** selama lima tahun bermula **dari tarikh surat ini**.

4. Perakuan Akreditasi Sementara ini tidak membawa maksud apa-apa jua pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera Malaysia (LJM).

5. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA setelah kohort pertama pelajar memulakan semester akhir program. Pihak MQA boleh melaksanakan pemantauan program tersebut dalam tempoh Perakuan Akreditasi Sementara diberikan.

6. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi **Cik Rohaidah Kadir** di talian **03-8688 3705** atau e-mel: rohaidahkadir@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. IR. DR. KHAIRUL SALLEH BIN MOHAMED SAHARI)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)
(Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif)
Agensi Kelayakan Malaysia

s.k.: Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 KUALA LUMPUR

Fail MQA.600-2/2/8445

PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA

1. No. Rujukan Program : MQA/PA 13460
2. Maklumat Program :
- Nama Program : *Diploma in Mechanical Engineering*
 - Nama Kelayakan : *Diploma in Mechanical Engineering*
 - Kelayakan : Diploma
 - Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) : 4
 - Nama dan Alamat PPT : Universiti Multimedia, Kampus Melaka
Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Bukit Beruang, Melaka
 - Bidang Program : *521-Mechanics and Metal Work*
 - Bahasa Pengantar : Bahasa Inggeris
 - Kaedah Penyampaian Program : Konvensional
 - Mod Penawaran Program : Kerja Kursus
 - Kaedah Pengajian : Sepenuh Masa
 - Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran : Kuliah, Tutorial, Amali, Projek dan Latihan Industri
 - Taraf Pelaksanaan : Sendiri
 - Kredit Bergraduasi : 96 Kredit
 - Tempoh Pengajian :

	Sepenuh Masa		
	Semester Panjang	Semester Pendek	Latihan Industri
Bilangan Minggu*	17	9	16
Bilangan Semester	4	3	1
Bilangan Tahun	2 Tahun 9 Bulan		

*Termasuk minggu ulang kaji dan peperiksaan

- Institusi Penganugerahan : Universiti Multimedia
- Kelayakan Masuk:
 - a) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik dan satu mata pelajaran Sains / Teknikal / Vokasional DAN lulus Bahasa Inggeris; atau

- b) Lulus *Unified Examination Certificate* (UEC) dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam tiga mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik dan Sains / Teknikal / Vokasional DAN lulus Bahasa Inggeris; atau
- c) Lulus *O-Level* dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam tiga mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik dan satu mata pelajaran Sains / Teknikal / Vokasional DAN lulus Bahasa Inggeris; atau
- d) Lulus Sijil Vokasional dan Teknikal / Kemahiran yang setara dengan Tahap 3 Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) dengan mendapat PNGK 2.00 dan 1 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan atau 1 semester program pengukuhan; atau
- e) Lulus Sijil Kejuruteraan / Kejuruteraan Teknologi (Tahap 3, KKM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- f) Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.

Pelajar Antarabangsa: *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL) skor 500 atau *International English Language Testing System* (IELTS) skor 5.0 atau yang setara.

3. Syarat-syarat Umum:

- 3.1 Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dinasihatkan untuk memohon kelulusan pengendalian program daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (JPT, KPM).
- 3.2 PPT hendaklah meningkatkan kualiti pengendalian program sedia ada dari semasa ke semasa.
- 3.3 Memastikan program yang ditawarkan memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia.
- 3.4 Mematuhi Penggunaan / Pemakaian Standard yang berkaitan dengan bidang program seperti yang telah dimaklumkan dalam Pekeliling dan Surat Pekeliling Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) yang berkenaan.
- 3.5 Sebarang perubahan pelaksanaan program (jumlah kredit, tempoh program, pengajaran dan pembelajaran serta lain-lain yang berkaitan) perlu mendapat kelulusan daripada JPT, KPM dan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) terlebih dahulu sebelum perubahan tersebut dapat dilaksanakan oleh PPT bagi mengelakkan masalah semasa penilaian program di peringkat Akreditasi Penuh.

4. Syarat Khusus:

- 4.1 Pihak PPT dikehendaki mengambil tindakan memperbaiki program ini sebagaimana yang diulas dalam laporan penilaian *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC), Lembaga Jurutera Malaysia melalui surat dengan nombor rujukan BEM/ETAD/02-10 (M) (7) bertarikh 16 Oktober 2019.

5. Cadangan Penambahbaikan: Tiada.